



# Gejala Sosial di Kalangan Belia

**I**SU gejala sosial di kalangan belia sering menarik minat. Penyakit sosial seperti bohsia, bohjan, AIDS/HIV, dan penagihan dadah sering menjadi sinonim permasalahan belia. Pelbagai cadangan dikemukakan untuk menangani gejala sosial di kalangan belia. Ada pihak yang mencadangkan supaya setiap kampung mempunyai persatuan belia yang diterajui oleh pemimpin yang berwibawa dan dapat mempengaruhi belia lain menyertainya untuk memberi sumbangan terhadap pemantapan diri dan kesejahteraan negara. Kepemimpinan harus bertunjangan hasrat dan aspirasi perjuangan rakyat. Pemimpin belia perlu mempunyai kekuatan dan daya saing serta semangat juang yang tinggi.

Ada pula cadangan supaya remaja dilibatkan dengan aktiviti bermanfaat yang boleh memberi kemahiran bagi mengisi masa lapang untuk menghindari mereka daripada terjerumus ke dalam penyakit sosial. Perpustakaan dan taman rekreasi perlu disediakan untuk menghalang remaja berpeleleran dan menghabiskan waktu tanpa arah tuju yang betul.

Banyak faktor disabitkan dengan masalah sosial di kalangan remaja ini, seperti kelemahan sistem kekeluargaan, pengaruh media, sistem pendidikan, daya tahan remaja yang rendah, rakan sebaya, dan ekonomi. Apa pun penyebabnya, belia tidak boleh menjadikannya alasan sebagai helah bela diri untuk terlibat dalam gejala sosial.

Langkah konkrit dan bersepadu dilaksanakan supaya masalah gejala sosial dapat dikurangkan, kalau tidak pun diatasi. Yang menjadi asas permasalahan ialah masyarakat terlalu disogokkan dengan berita negatif tentang belia sehingga memberi konotasi yang buruk terhadap belia. Gambaran buruk terhadap segolongan belia boleh memberi persepsi negatif kepada remaja secara keseluruhannya.

Masyarakat harus lebih bersifat sabar dalam mensosialisasikan belia dan berusaha membantu mewujudkan persekitaran yang kondusif dalam usaha membentuk belia yang berkeperibadian tinggi. Sifat suka menghukum dan menilai tentunya tidak diperlukan dan tidak lagi sesuai dalam membantu belia menjadi warga Malaysia yang berjati diri. Masyarakat perlu berjalan seiring dan bersama-sama dengan belia dalam mencorakkan bangsa Malaysia yang berdaya tinggi.

Persatuan belia, pertubuhan bukan kerajaan, Kementerian Belia dan Sukan, dan Majlis Belia Negara perlu sentiasa bersedia membantu belia menjalani kehidupan yang terarah. Program seperti Rakan Muda, Rakan Sukan, dan Rakan Masjid membuktikan

komitmen tinggi Kementerian Belia dan Sukan dalam membantu belia. Belia perlu dilihat sebagai rakan kongsi pembangunan negara. Anjakan paradigma perlu dilakukan supaya belia dilibatkan dalam usaha merealisasikan Wawasan 2020.

Peranan belia dalam membangunkan negara tidak boleh diperleceh. Belia selaku pewaris kepemimpinan negara perlu menyiapkan diri dengan pelbagai ketrampilan diri. Belia perlu bersiap sedia menyambung idea, agenda, dan gagasan kerja yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh pemimpin negara yang sedia ada.

Kesinambungan kewibawaan kepemimpinan perlu wujud supaya persatuan tidak hanya tinggal nama sahaja. Pemimpin yang dapat mengumpul ahli yang banyak, mempunyai pentadbiran sistem kewangan yang baik, dan menangkis rintangan yang dapat melemahkan aktiviti boleh dianggap sebagai pemimpin yang berwibawa. Pendekatan berpersatuan perlu dijalankan secara sistematik dan terancang. Kepemimpinan yang berkesan harus bertunjangan aspirasi perjuangan rakyat, berjaya melahirkan masyarakat madani Malaysia yang mempunyai peradaban tersendiri.

Perkhidmatan kaunseling di sekolah merupakan cara belia yang menghadapi persoalan hidup dapat meneruskan kehidupan dengan lebih teratur. Kekuatan diri harus dicari tanpa kesudahan. Melibatkan diri dalam persatuan merupakan cara terbaik dalam usaha belia memantapkan diri. Belia perlu melengkapkan diri dengan ilmu dan perlu bersifat kreatif dan inovatif dalam usaha mencari alternatif penyelesaian masalah.

Gejala sosial tidak boleh dipandang ringan. Masyarakat yang tidak dapat mengawal keruntuhan moral di kalangan belia akan kehilangan daya untuk menjadi masyarakat yang kuat.

**SAPORA SIPON  
Sabah.**

Lembaran Pembaca adalah ruangan khusus bagi pembaca memuat pandangan tentang *Dewan Budaya* dan isu sosiobudaya. Setiap tulisan mestilah disertakan nama, alamat lengkap, dan nombor kad pengenalan. Sila hantar tulisan kepada:

Lembaran Pembaca,  
Dewan Budaya,  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Peti Surat 10803,  
50926 Kuala Lumpur.